

sekatan di dalam kahwin lebih daripada satu. *Ūlī al-amr* tidak berhak membuat undang-undang atau memperundang-undangan dengan menentukan sesuatu sekatan di dalam persoalan ini sebab perkahwinan itu tidaklah digantungkan kepada kebendaan semata, seperti yang dijadikan sebab oleh mereka-mereka yang mengadakan aturan-aturan untuk menyekat kebebasan atau pun boleh dikata untuk merampas kelulusan-kelulusan yang diberi oleh syarak kepada tiap-tiap seorang daripada pemeluk-pemeluknya.

\* \* \*

### **Sekatan umur**

Kita telah menulis di dalam perkara bahawa di Singapura, seseorang perempuan yang dibawah umur 16 tahun tidak boleh dinikahkan selain daripada oleh *Chief*kadi. Perkara ini telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Islam dengan undi.

Ada ahli-ahli (pihak alim ulama) sama sekali tidak bersetuju dengan syarat itu. Mereka hanya menentukan baligh sedang baligh tidak tentu masanya. Yang ada perselisihan ulama menentukan selewat-lewat masa haid kepada umur – tidak untuk sekatan untuk orang yang baligh.

Keterangan pihak yang menganjurkan bahawa di Mesir dan di Pakistan sudah membuat peraturan itu, Takkanlah alim ulama di sana tidak mengerti persoalannya. Takkanlah alim ulama di situ tidak faham dalam perkara ini sedang di Singapura lebih maju daripada sekatan itu kerana mereka meluluskan, tetapi kelulusan itu hanya akadnya dilakukan oleh *Chief*kadi yang tentunya “ia telah berpuas hati” dengan keadaan dan suasana di sekeliling pernikahan itu.

Kita telah mendapat tahu bahawa di Mesir hanya dikaitkan sahaja tentang umur dengan tidak berfasal-fasal. Betul kerajaan

Mesir membuat peraturan bahawa (kadi-kadi tidak boleh mengkahwinkan seseorang perempuan di bawah umur 16 tahun tetapi perkahwinan di bawah umur 16 tahun boleh dikahwinkan oleh wali perempuan itu. Sedang wali mengkahwinkan anak-anaknya di bawah umur 16 tahun di luar daripada pengetahuan kadi tidak dikatakan sesuatu hukuman. Hanya kalau terjadi perselisihan di antara keduanya, suami isteri yang berkahwin di bawah umur 16 tahun itu, kadi tidak mahu campur tangan – ertinya kadi tidak mahu membicarakannya.

Shara' hanya mengadakan hukuman-hukuman kepada perkara-perkara yang tidak baik, tetapi perkahwinan adalah suatu kebaikan dan digalakkan, maka adakah patut di datangkan hukuman kalau orang melakukannya? Ini tentu bertentangan dengan syarak.

\  
c



Sudah terbit!

Pengajian

***KESAH PELAYARAN***

***ABDULLAH MUNSHI***

*di-susun sa-mula oleh:*

EDRUS

Harga \$ 2.50 sa-naskhah

Tambah belanja pis (register) 40 sen

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh:*

QALAM

856/ 858, Geylang Road,

Singapura 14.